

Bab 3: Perakaunan Untuk Kawalan Dalaman

Kawalan Tunai

1. Tujuan: a) Mengelak berlaku kehilangan tunai
b) Memastikan tunai mencukupi untuk belanja operasi
c) Mengelakkan kehilangan hasil akibat tunai yang terbiar
2. Kaedah:
 - a) Penetapan tugas. Contoh: Juruwang sahaja yang menerima tunai.
 - b) Pengasingan tugas. Contoh: Individu berbeza bertugas menerima, merekod dan menyimpan tunai.
 - c) Pendokumentasi. Contoh: Bukti penerimaan tunai perlu disimpan.
 - d) Kawalan fizikal. Contoh: Tunai disimpan dalam peti simpanan atau bank.
 - e) Pusingan tugas. Contoh: Menukar individu yang bertugas menerima, merekod dan menyimpan tunai dari semasa ke semasa.

Penyata Penyesuaian Bank

1. Pada setiap akhir bulan, pihak bank akan menghantar 1 salinan rekod urus niaga bagi pelanggannya. Salinan ini ialah penyata bank.
2. Penyata Bank ialah ringkasan urus niaga antara bank dengan pelanggannya dalam tempoh 1 bulan.
3. Berfungsi untuk:
 - a) Menyemak ketepatan catatan dalam buku tunai
 - b) Mengetahui penerimaan/pembayaran yang telah berlaku
 - c) Mengetahui baki wang tunai dalam Akaun Bank.
4. Catatan dalam penyata bank adalah bertentangan dengan catatan dalam buku tunai.

	Buku Tunai	Penyata Bank
Wang masuk	Debit	Kredit
Wang keluar	Kredit	Debit

5. Tujuan menyediakan penyata penyesuaian bank:
 - a) Mengesan dan membetulkan segala kesilapan pembukuan
 - b) Mengenal pasti sebab perbezaan baki di Buku Tunai dan Penyata Bank
 - c) Menyesuaikan baki di Buku Tunai dan baki di Penyata Bank
6. Sebab berlaku perbezaan baki Buku Tunai (BT) dan Penyata Bank (PB):

Sebab	Butiran
Butir telah direkod dalam BT tetapi tiada dalam PB	<ol style="list-style-type: none">1. Cek belum dikemukakan : Cek yang dikeluarkan oleh peniaga belum sempat dikemukakan kepada pihak bank. (Pihak luar tidak pergi bank in cek.)2. Deposit belum dikredit : Cek yang telah didepositkan kepada bank tetapi belum dijelaskan oleh pihak bank. (Sendiri bank in cek tapi belum nampak di bank.)3. Kesilapan dalam BT
Butir telah direkod dalam PB tetapi tiada dalam BT	<ol style="list-style-type: none">1. Penerimaan oleh bank. Contoh: Faedah atas simpanan, bayaran oleh Akaun Belum Terima, dividen diterima, pindahan kredit2. Pembayaran oleh bank. Contoh: Buku cek, Caj bank, Perintah sedia ada, Faedah atas overdraf3. Cek Tak Layan. Sebab: i) Cek terlalu kotor atau rosak. ii) Tempoh laku cek telah tamat. iii) Jumlah dalam perkataan tidak sama dengan jumlah dalam angka iv) Jumlah wang dalam akaun tidak cukup untuk membayar cek v) tandatangan di cek tidak sama dengan contoh disimpan oleh bank

Kaedah Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

1. Dengan mengemas kini buku tunai
 2. Tanpa mengemas kini buku tunai.
- A) Bermula dengan Baki di BT. B) Bermula dengan Baki di PB.

1. Dengan mengemas kini buku tunai

Format:

Buku Tunai			
Baki b/b	XX	Caj bank	XX
Dividen	XX	Buku Cek	XX
Faedah atas simpanan tetap	XX	Insurans	XX
		Faedah atas pinjaman	XX
		Cek Tak Layan	XX
		Baki h/b	YY
	XX		XX
Baki b/b	YY		
Penyata Penyesuaian Bank pada...			
		RM	
Baki debit di Buku Tunai yang dikemaskini		YY	
Tambah: Cek Belum dikemukakan		XX	
		XX	
Tolak: Deposit Belum Dikreditkan		XX	
Baki kredit di Penyata Bank		XX	

2. Tanpa mengemas kini buku tunai. A) Bermula dengan Baki di BT.

Format:

Penyata Penyesuaian Bank pada...		RM	RM	Tip: Kadangkalan, baki di BT menunjukkan baki kredit. Ini bermakna berlakunya overdraf.
	Baki debit di Buku Tunai		XX	
Hasil	Tambah: { Cek Belum Dikemukakan	XX		
	{ Dividen	XX		
	{ Faedah atas simpanan tetap	XX		
	{ Pindahan Kredit	XX		
	{ Kesilapan Buku Tunai (bayaran terkurang/ penerimaan terlebih di BT)	XX		
			XX	
			XX	
Belanja	Tolak: { Deposit Belum Dikreditkan	XX		
	{ Caj bank	XX		
	{ Buku Cek	XX		
	{ Insurans	XX		
	{ Faedah atas pinjaman	XX		
	{ Cek Tak Layan	XX		
	{ Perintah sedia ada	XX		
	{ Kesilapan Buku Tunai (bayaran terlebih/ penerimaan terkurang di BT)	XX		
			XX	
	Baki Kredit di Penyata Bank		XX	

2. Tanpa mengemas kini buku tunai. B) Bermula dengan Baki di PB.

Format:

	RM	RM
Baki Kredit di Penyata Bank		XX
Tambah: [Belanja]		XX
Tolak: [Hasil]		XX
Baki Debit di Buku Tunai		XX

Contoh Soalan SPM:

Buku Tunai dan Penyata Bank bulan Jun 20X9 perniagaan Encik Sasukek ditunjukkan seperti di bawah.

Buku Tunai (Bahagian Bank Sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
Jun 1.	Baki b/b	2150	Jun 4.	Ambilan	275605	500
	Jualan	460	14	Sewa	275606	825
	NiHao	385	20	Nani	275607	240
	WoHao	185	26	Didi	275608	320
	DaJiaHao	245	30	Gege	275609	240
				Baki h/b		1300
		3425				3425
Jul 1.	Baki b/b	1300				

Penyata Bank					
Bank Bantu Kamu Berhad					
Jalan Bantu Dia 3					
Petaling Jaya					
Kepada:					
Susukei					
No.2 Jalan 2/7,			No. Akaun: 1414 1313 3943		
43300 Seri Kembangan,			Tarikh Penyata: 30.06.20X9		
Sel.					
Tarikh	Butir	No. Cek	Wang Keluar	Wang Masuk	Baki
20X9			RM	RM	RM
Jun 1.	Baki b/b				2200
1	Cek	275600	50		2150
5	Cek	274505	500		1650
10	Buku Cek		30		1620
15	Cek	275606	825		795
16	Deposit			460	1255
24	Cek	275607	260		995
25	Dividen - Nah Duit Kamu Bhd			350	1345
27	Deposit			385	1730
28	Caj Bank		20		1710
30	Premium Insurans		285		1425
30	Deposit			185	1610

- Anda dikehendaki: a) Mengemaskinikan Buku Tunai
 b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 20X9.

Belanjawan Tunai

1. Ia merupakan satu penyata yang merekod anggaran penerimaan dan pembayaran tunai secara sistematik bagi suatu tempoh tertentu. Biasanya disediakan untuk suku tahun, setengah tahun atau setahun.

2. Fungsi:

- a) Menunjukkan anggaran penerimaan dan pembayaran serta baki tunai bagi suatu tempoh masa.
- b) Membantu perniagaan merancang pendapatan dan perbelanjaan seperti membeli aset
- c) Mengawal aliran masuk dan aliran keluar wang mengikut keutamaan serta berjimat cermat

- d) Mengukur keupayaan membayar perbelanjaan dan liabiliti perniagaan
- e) Menjadi panduan kepada institusi kewangan untuk pemohonan pinjaman bank
- f) Membuat perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan sebenar dengan yang dianggarkan

3. Kurangan Belanjawan Tunai boleh diatasi dengan:

- a) Membuat pinjaman
- b) Meningkatkan jualan
- c) Mengurangkan perbelanjaan

<u>Format Belanjawan Tunai:</u>			
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir...			
Butiran	Bulan	Bulan	Bulan
	RM	RM	RM
Baki b/b			
<u>Penerimaan</u>			
Modal			
Jualan Tunai			
Akaun Belum Terima			
Jualan Aset Bukan Semasa			
Faedah atas Simpanan			
Dividen			
Komisen Diterima			
Jumlah Penerimaan			_____
<u>Pembayaran</u>			_____
Belian Tunai			
Akaun Belum Bayar			
Belanja Operasi			
Gaji			
Belian Aset Bukan Semasa			_____
Jumlah Pembayaran			_____
Lebihan/Kurangan			_____
Baki h/b			=====

Varian

- 1. Ia bermaksud perbezaan antara jumlah yang dibelanjawankan dengan jumlah yang sebenar.
- 2. Boleh ditunjukkan dalam bentuk amaun dan %.

3. $\text{Varian} = \text{Penerimaan/ Pembayaran Sebenar} - \text{Penerimaan/ Pembayaran Belanjawan}$

$$\text{Varian} = \frac{\text{Angka Varian}}{\text{Angka Belanjawan}} \times 100\%$$

4. Kesan Varian

Penerimaan Tunai,	Sebenar > Belanjawan	Positif/ Memuaskan
Lebihan, Baki Akhir	Belanjawan > Sebenar	Negatif/ Tidak memuaskan
Pembayaran Tunai	Sebenar > Belanjawan	Negatif/ Tidak memuaskan
	Belanjawan > Sebenar	Positif/ Memuaskan